



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA (PINDAAN) 2024

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi golongan pekerja menerima jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.
2. Sejak pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) yang pertama pada tahun 2013, pembayaran gaji minimum tidak diwajibkan kepada pekerja-pekerja di dalam kontrak perantisan. Ini berikutan tafsiran kontrak perkhidmatan di bawah Seksyen 2 Akta 732 memperuntukkan bahawa kontrak perkhidmatan tidak termasuk kontrak perantisan.
3. Justeru, bagi memastikan semua pekerja sektor swasta mendapat hak dan pembelaan yang sewajarnya, KESUMA telah membentangkan Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 bagi bacaan pertama di Dewan Rakyat hari ini.
4. Melalui pindaan Akta 732, tafsiran kontrak perkhidmatan adalah termasuk kontrak perantisan, diselaraskan sama seperti seksyen 2 Akta Kerja 1955 [Akta 265], Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] dan Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76].
5. Melalui pindaan ini juga, pekerja kontrak akan menerima kadar gaji sebagaimana gaji minimum semasa. Langkah ini akan membantu para pekerja untuk mendapat gaji yang lebih baik dan bermaruah selaras dengan agenda Ekonomi Madani dalam meningkatkan lantai pendapatan rakyat.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
15 OKTOBER 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRD Corp.)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	